



Foto Oleh Jeffery Anthony

PUSAT MAKLUMAT PELANCONGAN ECOCAMPUS

Oleh Jeffery Anthony

jeffery955973@gmail.com

EcoCampus adalah pusat rujukan yang bertindak sebagai penjaga alam sekitar, menyumbang kepada usaha global ke arah kemampanan dengan memperkenalkan kecemerlangan alam sekitar. Usaha ini dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, pembangunan infrastruktur, pengurusan dan amalan operasi, serta seluruh perkara yang melibatkan kampus.

EcoCampus membolehkan institusi untuk mengenalpasti secara sistematik, menilai, mengurus dan memperbaiki prestasi dan praktis alam sekitar. Tujuan utama adalah untuk menggalakkan pendidikan dan kesedaran penjagaan

alam sekitar, dan bergerak ke arah pelestarian alam sekitar melalui perancangan yang baik, dan operasi serta amalan pengurusan.

Pusat pengurusan EcoCampus yang diketuai oleh Pengarah ditubuhkan untuk mengurus tadbir EcoCampus. Peranan utamanya adalah untuk menyediakan satu rangka kerja yang akan dilaksanakan, dikuatkuasa, dipantau, dinilai, dikaji berdasarkan enam elemen utama Pelan Transformasi EcoCampus. Pelan transformasi akan menjadi Petunjuk Prestasi Utama (PPP) bagi jabatan yang relevan.



Pusat maklumat pelancongan Eco-campus

Foto Oleh Jeffery Anthony

Pengarah bagi pusat pengurusan EcoCampus dilantik dan bertanggungjawab terus kepada Naib Canselor. Pengarah harus menjadi ahli Senat dan ahli Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU).

Ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Naib Canselor terdiri daripada kalangan kakitangan kanan yang akan sentiasa berbincang untuk bertukar-tukar fikiran bagi melaksanakan pelan transformasi EcoCampus.

Unit-unit akan menyokong Pusat Pengurusan EcoCampus untuk menjalankan penyelidikan, pelaksanaan, penguatkuasaan, pemantauan, penilaian dan pengkajian aktiviti utama. Ini termasuklah projek 3R + R, projek pengurangan emisi, audit serta pemuliharaan tenaga dan air, seminar dan bengkel, lanskap dan program jangkauan yang berkaitan dengan EcoCampus.

Pusat Maklumat Pelancongan EcoCampus ini ditubuhkan pada tahun 2016 dan dirasmikan oleh Menteri Pelancongan, Budaya dan Alam Sekitar, YB Datuk Seri Panglima Haji Masidi Manjun pada 3 Ogos 2016.

Menurut Penolong Pendaftar Pusat Pengurusan EcoCampus, En. Alvin Azril Mahat, 36 berkata, "Penubuhan Pusat Maklumat Pelancongan EcoCampus ini sumbangan penuh daripada kolaborasi diantara pihak pengurusan UMS dengan pihak luar bagi menjayakan program ini".

"Hal ini demikian kerana, penubuhan pusat ini adalah diluar jangkauan bajet atau peruntukan pihak universiti dan sebahagian besar sumbangannya adalah datang dari para kakitangan universiti sendiri", tambahnya lagi ketika ditemubual.



Bot yang disediakan untuk pelancong

Foto Oleh Jeffery Anthony

"Ini merupakan salah satu usaha kita untuk menarik perhatian pelancong dari luar datang ke UMS dan menikmati keindahan panorama serta alam sekitar yang dibangunkan dalam universiti."

Pusat Maklumat Pelancongan EcoCampus ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti pejabat khas bagi para kakitangan, kereta beroda pelancong, bot, jualan langsung termasuk kraftangan, baju, cawan, beg sandang, pen, dan banyak lagi.

Alvin berkata, "Ini merupakan salah satu usaha kita untuk menarik perhatian pelancong dari luar datang ke UMS dan menikmati keindahan panorama serta alam sekitar yang dibangunkan dalam universiti".

Inisiatif ini bukan sahaja dapat membina reputasi UMS malah dapat menjadi suatu kebanggaan bagi para pelajar dan kakitangan universiti serta menyediakan sebuah model baru yang dapat diterima secara meluas. Ini adalah bagi memperlihatkan bagaimana institusi pengajian tinggi boleh menyumbang secara efektif terhadap seruan dunia global.



EcoCampus Park

Foto Oleh Jeffery Anthony



Tasik Fakulti Sains dan Sumber Alam yang berhampiran dengan pusat EcoCampus

Foto Oleh Jeffery Anthony